



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PERKAITAN ANTARA KUALITI HUBUNGAN DAN KOMPETENSI ANAK
TERHADAP KESEDIAAN MENJADI PENJAGA IBU BAPA TUA***

NURHILMIYANI BINTI ISMAIL

FEM 2015 42



**PERKAITAN ANTARA KUALITI HUBUNGAN DAN KOMPETENSI ANAK
TERHADAP KESEDIAAN MENJADI PENJAGA IBU BAPA TUA**

Oleh

NURHILMIYANI BINTI ISMAIL

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains**

November 2015

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini , termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**PERKAITAN ANTARA KUALITI HUBUNGAN DAN KOMPETENSI ANAK
TERHADAP KESEDIAAN MENJADI PENJAGA IBU BAPA TUA**

Oleh

NURHILMIYANI BINTI ISMAIL

November 2015

Pengerusi : Rojanah Binti Kahar, PhD
Fakulti : Ekologi Manusia

Kebanyakan kajian lepas yang dijalankan adalah tertumpu kepada aspek cabaran dan pengalaman penjagaan warga emas oleh penjaga keluarga. Namun kajian yang cuba meneliti faktor pelindung yang dapat membantu penjaga menjalankan tanggungjawab sebagai penjaga terutama dalam kalangan anak dewasa adalah terhad. Di Malaysia, anak dewasa telah dikenalpasti sebagai penjaga utama kepada ibu bapa yang memerlukan penjagaan. Kesediaan menjadi penjaga telah dikenalpasti sebagai faktor yang melindungi penjaga daripada kesan negatif penjagaan dan sekaligus menyebabkan penjaga terus memberikan penjagaan. Sungguhpun faktor ini dibuktikan sangat penting, namun kajian yang dijalankan untuk mengenalpasti faktor yang mempengaruhi kesediaan menjadi penjaga adalah masih terhad dijalankan terutama dalam konteks anak dewasa di Malaysia. Bagi mengatasi kekurangan ini, kajian ini telah dijalankan untuk menentukan perkaitan antara kualiti hubungan dan kompetensi anak ke atas kesediaan menjadi penjaga ibu bapa tua.

Kajian kuantitatif ini menggunakan rekabentuk korelasi bagi menguji teori dengan mengkaji perkaitan antara pemboleh ubah. Teknik persampelan bertujuan telah digunakan untuk mengenalpasti responden kajian iaitu anak dewasa Melayu yang menjaga salah seorang ibu bapa di tiga buah hospital kerajaan di Selangor. Seramai 142 orang anak dewasa Melayu (86 perempuan dan 56 lelaki) yang berusia antara 18 hingga 58 tahun telah menjadi responden dalam kajian ini. Kajian ini menggunakan subset data daripada kajian yang telah dibiayai oleh geran RUGS (*Research University Grant Scheme*) bertajuk 'Pengaruh Kematangan Filial, Kompetensi Anak, Hubungan Ibu Bapa-Anak serta Keagamaan terhadap Kesediaan menjadi Penjaga ibu bapa dalam kalangan anak dewasa Muslim di Selangor'. Borang soal selidik yang dijawab sendiri oleh responden mengandungi maklumat berkaitan latar belakang penjaga, latar belakang orang yang dijaga, ciri penjagaan, tahap kesediaan menjadi penjaga responden, tahap kualiti hubungan dan tahap kompetensi anak. Analisis deskriptif, bivariat dan multivariat telah digunakan untuk menganalisis data.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa lebih daripada separuh (61.3%) responden dilaporkan mempunyai tahap kesediaan menjadi penjaga yang tinggi dan menunjukkan hubungan yang sederhana signifikan dengan kualiti hubungan dan kompetensi anak. Dapatan ini menunjukkan kesediaan anak dewasa menjadi penjaga berkait rapat dengan perhubungan mereka dengan ibu bapa dan juga kecekapan mereka sebagai penjaga. Selain itu, kualiti hubungan dan kompetensi anak juga menyumbang sebanyak satu pertiga daripada peramal tahap kesediaan anak dewasa menjadi penjaga, di mana kualiti hubungan sebagai peramal terpenting di antara pemboleh ubah yang lain. Kompetensi anak juga memberikan kesan separa perantara ke atas kualiti hubungan ibu bapa-anak dan kesediaan anak dewasa menjadi penjaga.

Hasil kajian ini memberikan maklumat penting mengenai kesediaan anak dewasa menjadi penjaga ibu bapa dan hubungan ibu bapa-anak dewasa serta kesan pengantaraan kompetensi anak ke atas kualiti hubungan dan kesediaan menjadi penjaga dalam kalangan anak dewasa. Maklumat ini berpotensi untuk digunakan sebagai garis panduan teoretikal dan praktikal untuk membantu anak dewasa sebagai penjaga utama ibu bapa menjadi lebih bersedia ketika berhadapan cabaran dalam penjagaan. Pengukuhan hubungan kekeluargaan dan pendedahan ilmu beserta kemahiran kepada anak dewasa yang terlibat dalam aktiviti penjagaan perlu diambil kira oleh pihak yang bertanggungjawab. Kegagalan menyediakan penjagaan kepada ibu bapa akan memberikan kesan kepada agenda nasional dalam membentuk masyarakat yang mementingkan nilai kekeluargaan terutama melibatkan hubungan antara generasi.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Science

**QUALITY OF RELATIONSHIP AND CHILD COMPETENCY TOWARDS
PREPAREDNESS OF CARING FOR ELDERLY PARENTS**

By

NURHILMIYANI BINTI ISMAIL

November 2015

Chairman : Rojanah Binti Kahar, PhD
Faculty : Human Ecology

Past research conducted mainly focused on challenges and experiences aspects in elderly caregiving among family caregivers. However, studies which attempted to examine protective factors that can help the caregiver to carry out responsibilities as a caregiver especially among adult children are limited. In Malaysia, adult children have been identified as primary caregiver to their parents who need care. Preparedness of caregiving is identified as a factor which protects the caregiver from the negative effects of caregiving, and thus enables them to continue to provide care. Although this proved as very important factor, however study conducted to identify factors influencing the preparedness of caregiving is still limited especially among adult children in Malaysian context. To overcome this shortage, this study was carried out to determine the associations between the quality of relationship and child competency on preparedness of caring for elderly parents

This quantitative study used correlation design to test the theory by studying the relationships between variables. Purposive sampling technique has been used to identify the respondents in this study which is Malay adult children who take care one of their parent in three government hospitals in Selangor. A total of 142 Malay adult children (86 female and 56 male) aged between 18 to 58 years had become respondents in this study. This study used a subset of data of the study funded by RUGS grants (Research University Grant Scheme), entitled 'Influence of Filial maturity, Caregiver Competency, Parent-Child Relationship and Religiosity on Preparedness of caring for parents among Malay adult children in Selangor'. Self administered questionnaire contains information on caregivers' background, parents' background and caregiving characteristics, level of respondents' preparedness of caring for parents, level of relationship quality and level of caregivers' competency. Descriptive, bivariate and multivariate analyses were used to analyse data.

The findings showed that slightly more than half (61.3%) of the respondents reported high level of preparedness, and showed moderate significant relationships with relationship quality and caregivers' competency. The result showed that preparedness of caregiving among adult children was closely related with their parent-adult children

relationship and their competency as caregiver. Moreover, relationship quality and children's competency also predicted one-third of level of preparedness of caregiving among adult children, where relationship quality was the strongest significant predictor among others. Child competency also showed partially mediated the relationship on parents-adult children relationship quality and preparedness of caregiving.

Research findings provide important information regarding preparedness of caring for parents and parent-adult children relationship and mediation effect of caregiver competency on the relationship quality and preparedness of caregiving among adult children. This information has the potential to be used as a theoretical and practical guideline to help adult children as primary caregiver to be more prepared when facing challenges in caregiving. Strengthening of family relationship and the exposure of knowledge as well as skills to adult children who involved in caregiving needs to be taken into account by those responsible. Failure to provide parental care will affect the national agenda in shaping the society that emphasizes family values, especially involving the relationship between the generations.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana saya dapat menyempurnakan perjalanan saya untuk mencapai kejayaan ini. Ianya sangat bermakna bagi diri saya kerana perjalanan sebagai pelajar siswazah adalah sangat berliku dan mencabar. Namun perjalanan ini telah mengajar saya seribu satu erti kehidupan.

Jutaan penghargaan saya ucapkan kepada penyelia saya Dr Rojanah Kahar yang sentiasa memberikan yang terbaik untuk membantu saya sehingga ke tahap ini. Tidak dilupakan juga Prof Madya Dr Rahimah Ibrahim selaku penyelia bersama yang banyak mencurahkan ilmu dan tunjuk ajar kepada saya sepanjang bergelar pelajar. Tanpa sokongan kalian berdua, saya tidak mampu untuk sampai ke penghujungnya. Juga ucapan terima kasih diucapkan kepada pensyarah-pensyarah di Jabatan Pembangunan Manusia & Pengajian Keluarga, Fakulti Ekologi Manusia atas tunjuk ajar dan kesudian berkongsi ilmu. Semoga Allah S.W.T melimpahkan keberkatan dan kelapangan urusan kepada kalian semua.

Penghargaan seterusnya adalah kepada ibu tercinta, Pn Zainab bt Edon. Pengorbanan dan jasamu tidak terbalas dan ternilai. Kata-kata semangat dan dorongan yang sentiasa diberikan menjadi pembakar semangat untuk terus melangkah ke hadapan. Untuk arwah abah Ismail bin Idris, semangatmu telah memberikan kekuatan untuk yakin dengan diri dan berani mencuba sesuatu yang mencabar. Tidak dilupakan juga seluruh ahli keluarga yang banyak memberikan sokongan dan bantuan. Mereka adalah Roslah Edon, Mohamad Hilmi Ismail, Siti Noor Zahirah Md Noor, Mohamad Hamirul Naim Ismail, Nurul Farhana Yusoff, Nur Amirah Atikah Ismail, Leftenan Mohd Ariz Azwan Razlan dan Fatin Fatimah Abdullah. Semoga Allah S.W.T sentiasa melindungi kalian.

Tidak dilupakan sahabat-sahabat yang banyak memberikan dorongan dan kata-kata semangat untuk terus bangkit meskipun diuji dengan pelbagai kepayahan. Mereka adalah Murniza Marzuki, Siti Nabila Shaera Che Husni, Siti Marnizah Abd Rahim, Thuwaibah Hashim, Nor Atiqah Abd Hamid, Siti Firdaus Ab Halim, Roshidah Rudhuan dan lain-lain. Hanya Allah S.W.T yang mampu membalas jasa kalian. Juga kepada rakan-rakan yang banyak memberikan bantuan dan tunjuk ajar dalam perjalanan siswazah ini iaitu Syah Qurratu Aini Shahrani, Azzah Sabrina Muhammad Shariff Paul, Tan Soon Aun, Lim Yan Jun dan lain-lain. Terima kasih tidak terhingga diucapkan. Akhir sekali, jutaan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak dengan penghasilan tesis ini.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 30 November 2015 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Nurhilmiyani binti Ismail bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Perkaitan antara Kualiti Hubungan dan Kompetensi Anak terhadap Kesiediaan menjadi Penjaga Ibu Bapa Tua” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sains

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Ahmad Tarmizi bin Talib, PhD

Profesor Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Rumaya binti Juhari, PhD

Profesor Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Zuria Mahmud, PhD

Profesor
Universiti Kebangsaan Malaysia
Malaysia
(Pemeriksa Luar)



ZULKARNAIN ZAINAL, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 25 Mei 2016

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Rojanah Binti Kahar, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Rahimah Binti Ibrahim, PhD

Profesor Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

BUJANG BIN KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa:

- Tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- Setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- Tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- Hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Cancellor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____

Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Nurhilmiyani Binti Ismail, GS31418

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- Penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa Penyeliaan:

Rojanah Binti Kahar, PhD

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa Penyeliaan:

Rahimah Binti Ibrahim, PhD

ISI KANDUNGAN

Muka surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI RINGKASAN	xiv

BAB

1	PENDAHULUAN	1
1.1	Pengenalan	1
1.2	Penyataan Masalah	3
1.3	Persoalan Kajian	5
1.4	Objektif Kajian	6
1.4.1	Objektif Am	6
1.4.2	Objektif Khusus	6
1.5	Kepentingan Kajian	6
1.6	Hipotesis Kajian	7
1.7	Kerangka Teoretikal Kajian	9
1.8	Kerangka Konseptual	11
1.9	Definisi Istilah	13
1.9.1	Kesediaan Menjadi Penjaga	13
1.9.2	Kualiti Hubungan	13
1.9.3	Kompetensi Anak	14
1.10	Susunan Penulisan	14
2	ULASAN KARYA TERPILIH	15
2.1	Pengenalan	15
2.2	Penjagaan Ibu bapa Tua	15
2.3	Kesediaan Penjagaan	16
2.4	Faktor latar belakang dan Kesediaan menjadi penjaga	22
2.5	Kualiti Hubungan	23
2.6	Kualiti Hubungan dan Kesediaan Menjadi Penjaga	25
2.7	Kompetensi Anak	26
2.8	Kompetensi Anak dan Kesediaan Menjadi Penjaga	28
2.9	Kualiti Hubungan dan Kompetensi Anak	28
2.10	Kompetensi Anak Sebagai Mediator Kepada Kesediaan Menjadi Penjaga	28
2.11	Kesimpulan	29
3	METODOLOGI	30
3.1	Pengenalan	30
3.2	Reka Bentuk Kajian	30
3.3	Lokasi Kajian	30

3.4	Populasi Kajian	32
3.5	Pengiraan Saiz Sampel	32
3.6	Kaedah Persampelan	33
3.7	Instrumentasi	34
3.7.1	Latar Belakang Penjaga, Latar Belakang Orang yang Dijaga dan Ciri Penjagaan	35
3.7.2	Kualiti Hubungan	37
3.7.3	Kompetensi Anak	39
3.7.4	Kesediaan menjadi penjaga	39
3.7.5	Terjemahan Instrumen	40
3.8	Pra Uji Soal Selidik	40
3.9	Prosedur Kajian	41
3.10	Pengurusan dan Analisis Data	41
3.10.1	Analisis Tinjauan Data (Exploratory Data Analysis)	42
3.10.2	Statistik Diskriptif	44
3.10.3	Analisis Korelasi Pearson	44
3.10.4	Analisis Regresi Hierarkikal	45
3.11	Rumusan	47
4	HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN	49
4.1	Pengenalan	49
4.2	Latar Belakang Penjaga	49
4.3	Latar Belakang Orang yang Dijaga	52
4.4	Ciri Penjagaan	55
4.5	Kualiti Hubungan	56
4.6	Kesediaan Menjadi Penjaga	58
4.7	Kompetensi Anak	59
4.8	Pengujian Hipotesis	61
4.9	Rumusan Hasil Kajian	71
5	RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	72
5.1	Pengenalan	72
5.2	Rumusan Kajian	72
5.3	Kesimpulan Kajian	73
5.4	Implikasi Teoretikal	73
5.5	Implikasi Praktikal	74
5.5.1	Anak Dewasa	74
5.5.2	Penyelidikan	75
5.5.3	Pembangunan Dasar	75
5.6	Skop, Limitasi dan Cadangan Kajian akan Datang	76
	BIBLIOGRAFI	78
	LAMPIRAN	99
	BIODATA PELAJAR	123
	SENARAI PENERBITAN	124

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka surat
3.1	Maklumat Latar Belakang	35
3.2	<i>Rotated Component Matrix</i>	38
3.3	Nilai Alfa	40
3.4	Nilai Skewness Pemboleh Ubah Utama Kajian	42
3.5	Nilai VIF dan <i>Degree of Tolerance</i> pemboleh ubah kajian	44
3.6	Nilai Pekali Korelasi dan Interpretasi	45
4.1	Latar Belakang Penjaga	50
4.2	Latar Belakang Orang Yang Dijaga	53
4.3	Penyakit/Masalah Kesihatan Yang Dihadapi	54
4.4	Ciri Penjagaan	55
4.5	Tahap Kualiti Hubungan	56
4.6	Item Skala Kualiti Hubungan	57
4.7	Tahap Kesian Menjadi Penjaga	58
4.8	Item Skala Kesian Menjadi Penjaga	59
4.9	Tahap Kompetensi Anak	60
4.10	Item Skala Kompetensi Anak	60
4.11	Jadual Korelasi Pearson	61
4.12	Jadual Korelasi Pearson Pemboleh Ubah Utama Kajian	63
4.13	Matrik Korelasi Pearson	66
4.14	Analisis Regresi Hierarkikal	68
4.15	Analisis Regresi Hierarkikal	69
4.16	Rumusan Hasil Kajian Mengikut Hipotesis Alternatif Kajian	71

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka surat
1.1	Kerangka Teoritikal Kajian	9
1.2	Kerangka Konseptual	12
3.1	Paras Urbanisasi Mengikut Negeri, Malaysia, 2010	31
3.2	Persampelan	34
3.3	Hubungan Kesan Mediator	46
3.4	4-Langkah Analisis Regresi	46
3.5	Histogram Mutualiti	120
3.6	Box Plot Mutualiti	120
3.7	Histogram Kompetensi Anak	121
3.8	Box Plot Kompetensi Anak	121
3.9	Histogram Kesediaan Menjadi Penjaga	122
3.10	Box Plot Kesediaan Menjadi Penjaga	122
3.11	<i>Scatterplot</i> Kualiti Hubungan dan Kesediaan	123
3.12	<i>Scatterplot</i> Kompetensi dan Kesediaan	123
4.1	Model Mediator	69

SENARAI RINGKASAN

β	Beta
EDA	<i>Exploratory Data Analysis</i>
JKEUPM	Jawatankuasa Etika Universiti untuk Penyelidikan Melibatkan Manusia
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
Min	Minimum
Mak	Maksimum
N	Populasi
n	Sampel
NGO	Badan Bukan Kerajaan
P	Tahap Signifikan
PJHWE	Pusat Jagaan Harian Warga Emas
phD	Doktor Falsafah
PMR	Penilaian Menengah Rendah
S.A.W	Salallahu Alaihi wa Sallam
SPM	Sijil Penilaian Menengah
S.W.T	Subhanahu wa Ta'ala
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
USIAMAS	Persatuan Kebajikan USIAMAS Malaysia

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Populasi penduduk dunia pada hari ini sedang pesat menua. Menjelang 2050, dunia dijangka mengalami peningkatan individu yang berumur 60 tahun dan ke atas kepada hampir 2 bilion (United Nations, 2006). Fenomena ini berlaku disebabkan oleh penambahbaikan dalam perkhidmatan kesihatan, status pendidikan dan pembangunan ekonomi (Kinsella & Victoria, 2001). Kesan peningkatan populasi warga emas secara global ini telah menyebabkan isu penjagaan menjadi semakin penting. Di negara Barat seperti Amerika Syarikat, hampir 43.5 bilion penjaga tidak formal menyediakan penjagaan kepada warga emas yang mengidap penyakit kronik (*National Alliance for Caregiving*, 2009). Penjaga tidak formal ini juga dikenali sebagai penjaga keluarga yang terdiri daripada pasangan, anak dewasa, adik-beradik, dan saudara-mara (Hansen, Cartwright & Craig, 2012).

Di Malaysia, dianggarkan 10 sehingga 15 peratus daripada 25.7 juta penduduk merupakan penjaga (Hussain et al, 2007; Hairi et al, 2010). Peratusan ini dijangka bertambah menjelang 2030 apabila Malaysia mencapai status negara tua (Ong, 2009). Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, terdapat hampir 8.6% (2.54 juta) daripada jumlah populasi di Malaysia adalah warga emas (KPWKM, 2014). Berdasarkan unjuran Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Malaysia dijangka mencapai negara tua pada tahun 2030 apabila penduduk yang berumur 60 tahun dan ke atas mencapai 15% daripada jumlah keseluruhan penduduk pada tahun tersebut. Pertambahan populasi warga emas sekali gus telah menyebabkan peningkatan penyakit kronik dan degeneratif seperti diabetes, hipertensi, penyakit jantung dan strok (Phua, 2009; Eshkoo et al, 2014a).

Kebanyakan penjaga keluarga adalah terdiri daripada anak dewasa (Wolff & Käsper, 2006; Yahaya et al, 2009; Tengku Aizan et al, 2009). Penyediaan penjagaan pula lazimnya meliputi keperluan fizikal, sokongan kewangan sehinggalah sokongan emosi (Roberto & Jarrott 2008; Asnarulkhadi et al, 2006). Bantuan dan sokongan daripada anak dewasa akan lebih diperlukan apabila ibu bapa di masukkan ke hospital (Parag et al, 2008; Nor Azlin et al, 2009). Penyediaan bantuan dan sokongan ini memerlukan komitmen yang sangat besar daripada anak dewasa sejak awal mengambil tanggungjawab memastikan kesejahteraan ibu bapa kekal terpelihara. Komitmen yang harus diberikan sebagai penjaga ini telah memberikan impak kepada kesihatan fizikal, mental dan sosial (Goodhead & McDonald, 2007; Salter et al., 2010).

Sungguhpun kerajaan telah bekerja keras untuk menyediakan sistem kebajikan sosial yang terbaik bagi meningkatkan perkhidmatan penjagaan kepada warga emas, namun institusi keluarga masih lagi menjadi sistem sokongan utama kepada warga emas.

Walau bagaimanapun, berdasarkan kajian lepas yang dijalankan di luar negara mendapati ahli keluarga sering dilaporkan tidak bersedia ketika menjalankan peranan mereka sebagai penjaga (Schumacher et al, 2008; Northouse et al, 2010). Kajian-kajian lepas telah mendapati elemen kesediaan adalah amat penting kerana dapat melindungi penjaga daripada kesan negatif penjagaan (Archbold, Stewart, Greenlick & Harvath, 1990; Schumacher, Stewart & Archbold, 1998; Hudson, 2003). Selain itu, kajian juga mendapati penjaga yang lebih bersedia akan memperoleh pengalaman penjagaan yang lebih positif dan mempengaruhi penjagaan yang disediakan (Schumacher, Stewart & Archbold, 2007; Foley et al, 2005).

Kesediaan juga didapati menentukan sama ada pesakit dimasukkan semula ke wad dan menggunakan perkhidmatan yang sedia ada selepas pesakit dikeluarkan daripada wad (Shyu et al. 2004a,b). Membantu anak dewasa bersedia menjalankan peranan sebagai penjaga akan memperbaiki cara mereka berhadapan dengan cabaran menyediakan penjagaan dan sekali gus menyumbang kepada penjagaan yang disediakan lebih berkualiti. Sungguhpun kesediaan dikenali sebagai tindakan yang dilakukan sebelum krisis berlaku (McEntire, 2007; Eriksson, 2008), kajian oleh Holm dan rakan-rakan (2014) mendapati kesediaan bukan sahaja penting sebelum mengambil peranan sebagai penjaga, malah turut penting sepanjang aktiviti penjagaan diberikan.

Sungguhpun kesediaan menjadi penjaga telah disahkan penting dalam meningkatkan kesejahteraan mereka dan mempengaruhi bagaimana untuk menghadapi situasi aktiviti penjagaan, namun kajian berkaitan masih kurang diberi tumpuan terutama penjaga dalam kalangan anak dewasa. Kajian yang dijalankan bagi mengenalpasti faktor yang menyumbang kepada kesediaan menjadi penjaga juga masih terhad dijalankan (Henriksson & Arestedt, 2013). Di Malaysia, kajian yang dijalankan adalah tertumpu kepada cabaran dan pengalaman penjagaan serta hubungan antara generasi (Fatimah, Rahmah & Abdullah, 2009; Khadijah, Rahim, Khairussin & Asnarulkhadi, 2010; Fatimah et al 2011; Rahimah & Abdullah, 2012; Khadijah, 2013). Justeru, dengan mengambil kira anak dewasa sebagai penjaga utama yang paling diharapkan untuk menyediakan penjagaan kepada ibu bapa tua, maka kajian mengenai kesediaan menjadi penjaga adalah amat penting bagi melindungi mereka daripada kesan negatif penjagaan disebabkan cabaran dalam penyediaan penjagaan.

Kebanyakan kajian lepas mengesahkan kepentingan hubungan ibu bapa dan anak sebagai hubungan yang kekal penting kepada kedua-dua pihak sepanjang hayat mereka (Umberson, 1992; Milke, 2008). Kajian lepas mendapati hubungan ibu bapa-anak akan mempengaruhi penjagaan yang diberikan. Kajian oleh Sørensen dan rakan-rakan (2002), mendapati perasaan bersedia untuk memberikan penjagaan mempunyai perkaitan dengan jenis perapatan selamat. Perapatan jenis ini didapati akan menentukan tingkah laku menolong dan menghalang penjaga daripada mengalami bebanan (Cicirelli, 1993). Ini juga menyebabkan individu lebih yakin untuk berhadapan dengan peranan dan keperluan sebagai penjaga.

Walau bagaimanapun, terdapat kajian lepas yang mendapati kualiti hubungan akan merosot sebaik sahaja penjagaan diberikan berbanding sebelumnya (de Vugt et al, 2003). Dapatan kajian lepas juga mendapati hubungan antara generasi ini dicirikan sebagai ambivalen iaitu perasaan yang bertentangan akibat daripada keadaan mereka yang semakin uzur dan memerlukan penjagaan sepenuhnya daripada anak-anak (Fingerman, Chen, Hay, Cichy, & Lefkowitz, 2006; Willson, Shuey, & Elder, 2003; Willson, Shuey, Elder, & Wickrama, 2006). Maka lebih banyak kajian perlu dijalankan terutama untuk meneliti faktor kualiti hubungan ibu bapa dan anak ketika menjaga ibu bapa.

Berdasarkan kajian lepas di dalam dan luar negara mendapati kebanyakan penjaga dilaporkan tidak mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan dalam memberikan penjagaan (England, 2001; Andershed, 2006; van Ryn et al, 2011; Fatimah, Mohd Suhaimi & Siti Hajar, 2011). Menurut Bandura (1982), penjaga yang lebih yakin akan menyebabkan mereka kurang berhadapan dengan kebimbangan dan tekanan. Kajian lepas juga mendapati penjaga yang lebih kompeten akan lebih bersedia menyediakan penjagaan (Silver et al, 2004). Namun kajian berkaitan adalah masih terhad terutama dalam konteks tempatan sungguhpun faktor ini dibuktikan dapat meringankan bebanan dan kesukaran yang dihadapi oleh penjaga.

Secara kesimpulan, sekiranya anak dewasa bersedia ketika menjalankan tanggungjawab sebagai penjaga, mereka akan dapat menghadapi cabaran penjagaan dengan baik dan sekali gus menyumbang kepada kesejahteraan kedua-dua pihak (Archbold, Stewart, Greenlick & Harvath, 1990; Schumacher, Stewart & Archbold, 1998; Hudson, 2003). Kajian ini juga penting dalam perspektif ekologi keluarga kerana isu penjagaan ibu bapa oleh anak dewasa merupakan sebahagian daripada tugas perkembangan yang akan mempengaruhi kesejahteraan kedua-dua pihak. Perspektif ini meninjau bagaimana keluarga mempengaruhi dan dipengaruhi oleh persekitaran. Justeru, kajian ini dijalankan khusus dengan tujuan menentukan sejauh mana anak dewasa bersedia dalam menjaga ibu bapa mereka dan faktor-faktor yang mempengaruhi kesediaan mereka. Kajian ini akan memfokuskan faktor interpersonal iaitu kualiti hubungan ibu bapa dan anak dewasa serta faktor personal iaitu kompetensi anak terhadap kesediaan menjadi penjaga.

1.2 Penyataan Masalah

Sehingga hari ini, kerajaan Malaysia sangat komited dalam mendepani cabaran dan isu warga emas dengan memperkenalkan dasar sosial sebagai persediaan menghadapi negara tua menjelang tahun 2030. Antaranya adalah melalui pindaan Dasar Warga Emas Negara (DWEN) pada tahun 2011 yang bertujuan memastikan kesejahteraan warga emas berada dalam lima dimensi utama iaitu kesihatan, sosial, ekonomi, spiritual dan persekitaran mereka. Salah satu daripada strategi DWEN ini adalah mengetengahkan hak warga emas bagi mendapatkan keselamatan dan perlindungan dalam semua aspek tanpa mengira latar belakang. Hal ini turut disokong oleh Dasar Keluarga Negara (DKN, 2011) yang menetapkan strategi serta menyasarkan ahli keluarga terutama anak dewasa untuk menjaga ibu bapa tua. Pelan Integriti Nasional

juga menyarankan agar setiap individu anak menyayangi warga emas dengan menzahirkan kasih sayang, rasa hormat dan penghargaan kepada mereka. Selain daripada itu, terdapat pelbagai inisiatif yang telah diambil oleh pihak Kerajaan seperti pelepasan cukai dan bantuan kewangan bagi membantu serta mengurangkan bebanan perbelanjaan keluarga penjaga termasuk anak dewasa (KPWKM, 2014).

Sungguhpun demikian, perubahan pesat yang berlaku terhadap fungsi dan struktur keluarga di Malaysia kesan daripada proses modenisasi, urbanisasi dan globalisasi telah menyukarkan anak dewasa untuk menjalankan peranan dan tanggungjawab mereka untuk menjaga ibu bapa tua (Zainab & Wan-Ibrahim, 2014). Hal ini dibuktikan berdasarkan kajian lepas yang mendapati penjaga berhadapan dengan pelbagai cabaran sepanjang menjalankan tanggungjawab mereka sehingga mempengaruhi kesejahteraan mereka (Fatimah, Rahmah & Abdullah, 2009; Khadijah, Rahim, Khairussin & Asnarulkhadi, 2010; Fatimah et al 2011; Rahimah & Abdullah, 2012; Khadijah, 2013). Kesannya jelas dapat dilihat apabila terdapat anak yang mengabaikan ibu bapa sehingga sanggup menghantar mereka ke rumah orang tua atau membiarkan mereka tinggal bersendirian. Berdasarkan statistik, terdapat peningkatan bilangan warga emas yang menghuni rumah-rumah kebajikan berdaftar di bawah JKM. Laporan KPWKM (2014) menunjukkan bilangan warga emas telah bertambah daripada 1,868 orang pada tahun 2010 kepada 2,553 orang pada tahun 2014. Antara faktor yang menyebabkan warga emas dimasukkan ke pusat jagaan adalah adalah ketidakupayaan yang dialami seperti kecacatan dan nyanyuk, tidak mempunyai persefahaman di antara anak atau menantu dengan ibu bapa, kesibukan anak dengan kerjaya serta masalah kewangan (Saw, 2007).

Berdasarkan maklumat di atas, kesediaan menjadi penjaga telah disahkan sebagai pemboleh ubah yang boleh mempengaruhi individu untuk menjalankan peranan mereka sebagai penjaga (Schumacher et al, 2008). Faktor ini juga telah dibuktikan mampu melindungi penjaga daripada kesan negatif penjagaan seperti kebimbangan, kemurungan, ketidakpastian, kelesuan, pengasingan sosial dan kemerosotan kesihatan (Funk et al, 2010; Hudson & Payne, 2009) dan sekali gus menyebabkan penjaga terus menyediakan penjagaan (Shim, Landerman & Davis, 2011). Walau bagaimanapun, kajian lepas menunjukkan terdapat penjaga yang tidak bersedia terutama untuk memenuhi permintaan penjagaan, mengawal simptom orang yang dijaga serta pengurusan pengubatan (Mausbach, Patterson, von Kanel, Mills, Dimsdale, Ancoli-Israel & Grant, 2007; Schumacher et al, 2008; Northouse et al, 2010). Namun kajian berkaitan kesediaan menjadi penjaga dan faktor yang mempengaruhi kesediaan masih terhad di luar negara (Henriksson & Arestedt, 2013).

Selain daripada itu, kualiti hubungan telah dikenalpasti menentukan tindakan anak dewasa untuk terus memberikan penjagaan kepada ibu bapa mereka (Shim, Landerman & Davis, 2011). Pendekatan *Interactionist* dalam Teori Peranan turut meramalkan kedua-dua pemboleh ubah ini mampu meramal pelbagai perkaitan berkaitan hasil aktiviti penjagaan (Burr et al, 1979). Namun, tiada kajian yang dijalankan untuk mengkaji perkaitan di antara kedua-dua pemboleh ubah ini meskipun faktor ini penting dalam menentukan kesediaan penjaga. Selain itu, elemen kompetensi adalah penting ketika menyediakan penjagaan kerana disahkan menentukan kesediaan menjadi

penjaga (Silver et al, 2004). Sungguhpun demikian, kajian lepas dalam dan luar negara mendapati bahawa kebanyakan penjaga tidak mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan dalam memberikan penjagaan (England, 2001; van Ryn, 2011; Fatimah et al, 2011).

Berdasarkan tinjauan literatur, terdapat jurang yang ketara dalam kajian berkaitan penjagaan ibu bapa tua di Malaysia. Kajian tempatan lebih memfokuskan kepada pengalaman dan cabaran yang dihadapi oleh penjaga keluarga ketika menyediakan penjagaan, namun tidak mengambil kira faktor pelindung yang dapat membantu penjaga menjalankan peranan dengan lebih baik (Fatimang, Rahmah & Abdullah, 2009; Khadijah, Rahim, Khairussin & Asnarulkhadi, 2010; Fatimah et al 2011; Rahimah & Abdullah, 2012; Khadijah, 2013). Kajian berkaitan kesediaan menjadi penjaga masih kurang diketengah oleh pengkaji terdahulu. Oleh yang demikian, kajian ini akan memfokuskan kepada faktor personal (kompetensi anak) dan interpersonal (kualiti hubungan) dan perkaitannya dengan kesediaan menjadi penjaga ibu bapa tua. Secara kesimpulan, kajian ini penting dijalankan untuk meneliti faktor-faktor yang dapat mempengaruhi kesediaan anak dewasa menjadi penjaga kepada ibu bapa tua sekaligus membantu negara dalam mendepani cabaran fenomena penuaan menjelang tahun 2030.

1.3 Persoalan Kajian

Apakah latar belakang penjaga (jantina, umur, jumlah tahun pendidikan formal, status perkahwinan, jenis pekerjaan, tahap kesihatan dan tinggal bersama orang dijaga), latar belakang orang yang dijaga (hubungan, umur, status kesihatan, tahap kebergantungan dan penyakit/masalah kesihatan yang dihadapi), ciri penjagaan yang disediakan (jumlah tahun penjagaan diberikan dan jumlah jam purata penjagaan sehari) oleh anak dewasa?

Apakah tahap kualiti hubungan ibu bapa-anak, kompetensi anak dan kesediaan menjadi penjaga ibu bapa tua?

Adakah latar belakang penjaga, latar belakang orang yang dijaga, ciri penjagaan, kualiti hubungan, kompetensi anak dan kesediaan menjadi penjaga ibu bapa tua?

Apakah faktor unik yang menentukan kesediaan menjadi penjaga ibu bapa tua?

Adakah kompetensi anak mempunyai kesan mediator ke atas kualiti hubungan ibu bapa dan anak dan kesediaan menjadi penjaga ibu bapa tua?

1.4 Objektif Kajian

1.4.1 Objektif Am

Kajian ini bertujuan menentukan perkaitan di antara kualiti hubungan dan kompetensi anak dengan kesediaan menjadi penjaga ibu bapa tua?

1.4.2 Objektif Khusus

Untuk memperihalkan latar belakang penjaga (jantina, umur, jumlah tahun pendidikan formal, status perkahwinan, jenis pekerjaan, tahap kesihatan dan tinggal bersama orang dijaga), latar belakang orang yang dijaga (hubungan, umur, status kesihatan, tahap kebergantungan dan penyakit/masalah kesihatan yang dihidapi), ciri penjagaan (jumlah tahun penjagaan diberikan dan jumlah jam purata penjagaan sehari), tahap kualiti hubungan, kompetensi anak dan kesediaan menjadi penjaga ibu bapa tua.

Untuk menentukan perkaitan di antara latar belakang penjaga (umur penjaga dan tahap kesihatan penjaga), latar belakang orang yang dijaga (tahap kebergantungan) dan ciri penjagaan (purata jam sehari penjagaan disediakan) dengan kesediaan menjadi penjaga ibu bapa tua.

Untuk menentukan perkaitan di antara kualiti hubungan dan kompetensi anak dengan kesediaan menjadi penjaga ibu bapa tua.

Untuk menentukan faktor unik yang mempengaruhi kesediaan menjadi penjaga ibu bapa tua.

Untuk mengkaji kesan pengantaraan kompetensi anak ke atas kualiti hubungan dan kesediaan menjadi penjaga ibu bapa tua.

1.5 Kepentingan Kajian

Dalam era negara Malaysia menuju penuaan penduduk, kajian ke atas kesediaan menjadi penjaga ibu bapa dalam kalangan anak dewasa adalah signifikan untuk dilaksanakan untuk memastikan penjaga dapat menjalankan tanggungjawab mereka dengan baik. Sungguhpun demikian, kajian berkaitan adalah terhad dan masih kurang diberi tumpuan. Kesediaan menjadi penjaga telah dikenal pasti sebagai faktor yang dapat melindungi mereka dan menentukan kualiti penjagaan yang akan diberikan kepada orang yang dijaga. Hasil kajian ini dijangka dapat memberikan maklumat penting yang berpotensi dirujuk oleh para penyelidik, badan kerajaan dan bukan

kerajaan dan juga ahli keluarga, terutama anak dewasa. Hasil kajian akan menyumbang kepada pemahaman secara menyeluruh bagaimana membantu anak dewasa lebih bersedia ketika menyediakan penjagaan. Adalah diharapkan agar hasil kajian ini dapat memberi sumbangan yang signifikan dalam bidang ekologi keluarga terutama yang melibatkan isu penjagaan ibu bapa oleh anak dewasa.

Kajian ini juga penting untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi kesediaan menjadi penjaga ibu bapa dalam kalangan anak dewasa dalam konteks tempatan. Faktor interpersonal, iaitu kualiti hubungan telah dikenal pasti oleh kajian-kajian lepas di luar negara sebagai faktor yang menentukan bagaimana penjaga menyediakan penjagaan kepada orang yang dijaga. Namun kajian berkaitan adalah masih terhad dijalankan dalam konteks tempatan. Adalah penting untuk mengambil kira faktor kualiti dalam hubungan penjagaan kerana ia mempengaruhi kesejahteraan kedua-dua pihak. Hasil kajian ini berpotensi dirujuk oleh agensi kerajaan dan bukan kerajaan dalam pembentukan atau penambahbaikan dasar, dan program-program berbentuk mempromosikan pengukuhan institusi keluarga. Penggubalan Dasar Warga Emas Negara 2011, Dasar Kesihatan Warga Emas Negara dan Dasar Keluarga Negara telah menunjukkan bahawa kerajaan sangat serius dalam menghadapi negara penuaan. Diharapkan kajian ini dapat menyumbang kepada penambahbaikan polisi dan undang-undang berkaitan dalam membantu mengukuhkan institusi kekeluargaan sebagai sumber sokongan utama kepada warga emas.

Selain itu, terdapat maklumat yang terhad berkaitan kompetensi anak sebagai pengantara terhadap kesediaan menjadi penjaga ibu bapa di Malaysia berbanding di luar negara. Maka kajian ini signifikan dijalankan untuk mengenal pasti peranan pengantaraan kompetensi anak di antara kualiti hubungan dan kesediaan menjadi penjaga ibu bapa dalam kalangan anak dewasa dalam konteks tempatan. Hasil kajian ini dijangka penting dalam menyumbangkan input berkaitan kepentingan memberikan pendedahan pengetahuan dan kemahiran kepada anak dewasa yang terlibat dalam aktiviti penjagaan oleh badan yang bertanggungjawab dalam penyediaan sumber dan sokongan seperti pihak hospital, pegawai khidmat sosial, pegawai kesihatan dan golongan profesional.

Akhir sekali, hasil kajian ini juga berpotensi menyediakan asas penyelidikan untuk mengenal pasti faktor-faktor lain yang dijangka mampu menyumbang kepada kesediaan anak dewasa menjadi penjaga ibu bapa mereka. Isu penjagaan yang melibatkan ahli keluarga terutama anak dewasa memerlukan perhatian yang berterusan kerana kepentingan mereka sebagai sumber sokongan utama kepada warga emas.

1.6 Hipotesis Kajian

Kajian ini menggunakan kedua-dua jenis hipotesis iaitu hipotesis nul dan alternatif. Ini kerana terdapat hasil kajian lepas berkaitan faktor umur penjaga, tahap kesihatan penjaga, tahap kebergantungan orang yang dijaga, dan purata jam sehari penjagaan diberikan dengan kesediaan menjadi penjaga adalah tidak konsisten. Manakala terdapat

kajian lepas yang mendapati hubungan yang signifikan di antara kualiti hubungan dan kompetensi anak terhadap kesediaan menjadi penjaga. Justeru hipotesis berikut telah dibentuk berdasarkan objektif bagi menjalankan kajian ini.

Objektif 2

Untuk menentukan perkaitan di antara latar belakang penjaga (umur penjaga dan tahap kesihatan penjaga), latar belakang orang yang dijaga (tahap kebergantungan) dan ciri penjagaan (purata jam sehari penjagaan disediakan) dengan kesediaan menjadi penjaga ibu bapa tua.

- H₀1: Tiada perkaitan yang signifikan di antara umur penjaga dengan kesediaan menjadi penjaga ibu bapa tua.
- H₀2: Tiada perkaitan yang signifikan di antara tahap kesihatan penjaga dengan kesediaan menjadi penjaga ibu bapa tua.
- H₀3: Tiada perkaitan yang signifikan di antara tahap kebergantungan orang yang dijaga dengan kesediaan menjadi penjaga ibu bapa tua.
- H₀4: Tiada perkaitan yang signifikan di antara purata jam sehari penjagaan diberikan dengan kesediaan menjadi penjaga ibu bapa tua.

Objektif 3

Untuk menentukan perkaitan di antara kualiti hubungan dan kompetensi anak dengan kesediaan menjadi penjaga ibu bapa tua.

- H_A5: Kualiti hubungan yang tinggi adalah berkait secara signifikan dengan kesediaan menjadi penjaga ibu bapa tua yang tinggi.
- H_A6: Kompetensi anak yang tinggi adalah berkait secara signifikan dengan kesediaan menjadi penjaga ibu bapa tua yang tinggi.

Objektif 4

Untuk menentukan faktor unik yang mempengaruhi kesediaan menjadi penjaga ibu bapa tua.

- H_A7: Regresi koefisien latar belakang penjaga (umur penjaga dan tahap kesihatan penjaga), latar belakang orang yang dijaga (tahap kebergantungan), ciri penjagaan (purata jam sehari penjagaan disediakan), kualiti hubungan dan kompetensi anak adalah lebih besar daripada sifar apabila diregresi dengan tahap kesediaan menjadi penjaga ibu bapa tua.


Objektif 5

Untuk mengkaji kesan pengantaraan kompetensi anak ke atas kualiti hubungan dan kesediaan menjadi penjaga ibu bapa tua.

H_A8: Kompetensi anak berfungsi sebagai pemboleh ubah mediator secara signifikan ke atas kualiti hubungan dan kesediaan menjadi penjaga ibu bapa tua.

1.7 Kerangka Teoretikal Kajian

Dalam kajian ini, pemboleh ubah yang telah dikenalpasti penting dijelaskan menggunakan kerangka teoretikal yang telah diadaptasi daripada dua teori iaitu Pendekatan *Interactionist* dalam Teori Peranan (Schumacher, 1995) dan Teori Pembelajaran Sosial (Bandura, 1997). Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti perkaitan di antara faktor kualiti hubungan dan kompetensi anak terhadap kesediaan menjadi penjaga ibu bapa dalam kalangan anak dewasa. Seperti rajah 1.1, kesediaan menjadi penjaga ditentukan oleh a) kualiti hubungan dan b) kompetensi anak.



Rajah 1.1: Kerangka Teoritikal diadaptasi daripada Pendekatan *Interactionist* Teori Peranan (Schumacher, 1995) dan Teori Pembelajaran Sosial (Bandura, 1997).

Teori Peranan (Biddle, 1986; Schumacher, 1995; Moen, Erickson & Dempster-McClain, 2000) telah banyak digunakan untuk menerangkan pengalaman penjaga dalam menyediakan penjagaan kepada ahli keluarga mereka. Menurut teori ini, tingkah laku manusia akan berpandukan jangkaan individu dan juga orang di sekeliling. Individu biasanya memperoleh dan mengekalkan pelbagai peranan, yang menjadi norma dan peraturan sebagai panduan tingkah laku. Anak dewasa yang mengambil peranan sebagai penjaga merupakan sebahagian daripada proses atau fasa pertukaran peranan yang berlaku dalam sesebuah keluarga. Semasa proses ini berlaku, peranan sebagai penjaga terbentuk melalui interaksi yang wujud di antara penjaga dan orang yang dijaga.

Perspektif bagaimana penjaga mengambil tanggungjawab dijelaskan oleh pendekatan *interactionist* dalam Teori Peranan oleh Schumacher (1995). Berdasarkan pendekatan dalam teori ini, di antara elemen dalam konsep pelaksanaan peranan sebagai penjaga juga dikenal pasti sebagai kesediaan menjadi penjaga yang merupakan pemboleh ubah bersandar kajian ini. Kesediaan menjadi penjaga adalah sejauh mana kepercayaan individu tersebut bersedia dalam menghadapi tugas dan tekanan semasa menjalankan peranan sebagai penjaga (Archbold, Stewart, Grenlick & Harvath, 1992). Kajian-kajian lepas merumuskan kepentingan kesediaan menjadi penjaga dalam kalangan penjaga keluarga sebagai faktor yang melindungi penjaga daripada kesan negatif penjagaan seperti ketegangan peranan (Archbold, Stewart, Greenlick & Harvath, 1990; Schumacher, Stewart & Archbold, 1998; Hudson, 2003). Selain itu, kajian lepas juga mendapati penjaga yang lebih bersedia akan memperoleh pengalaman penjagaan yang lebih positif dan mempengaruhi penjagaan yang disediakan (Schumacher, Stewart & Archbold, 2007; Foley et al, 2005).

Kajian ini mengandaikan terdapat hubungan di antara pemboleh ubah bersandar iaitu kesediaan menjadi penjaga ibu bapa dengan pemboleh ubah bebas iaitu kualiti hubungan ibu bapa dan anak dewasa. Berdasarkan pendekatan dalam teori ini, adalah diramalkan bahawa individu yang mengambil peranan sebagai penjaga disebabkan oleh interaksi yang wujud di antara penjaga dan orang yang dijaga. Ini dibuktikan oleh kajian lepas bahawa penjaga yang mempunyai tahap kualiti hubungan yang tinggi akan dilaporkan lebih termotivasi memberikan penjagaan dan sekali gus menyebabkan penjaga terus kekal memberikan penjagaan dan menentukan kesejahteraan kedua-dua pihak (Archbold et al, 1990; Caron & Bowers 2003; Considine, Schulze & Schuengel, 2009; Shim et al, 2011).

Walau bagaimanapun, pendekatan *Interactionist* dalam Teori Peranan ini hanya menerangkan perkaitan di antara faktor interpersonal, iaitu interaksi penjaga dan orang yang dijaga yang didapati mempengaruhi seseorang individu untuk mengambil tanggungjawab sebagai penjaga (Schumacher, 1995; Schumacher et al, 2008). Dalam kajian ini, faktor personal iaitu kompetensi anak juga diramal mempunyai perkaitan dengan kesediaan menjadi penjaga. Maka Teori Pembelajaran Sosial (1997) digunakan untuk menjelaskan hubungan di antara pemboleh ubah mediator, iaitu kompetensi anak, dengan pemboleh ubah bersandar, iaitu kesediaan menjadi penjaga. Menurut teori ini, individu yang mempunyai kecekapan diri yang tinggi untuk menjalankan tugas-tugas penjagaan akan lebih berjaya menyempurnakan tugas tersebut dan


mengurangkan kesan negatif penjagaan di samping meningkatkan kesejahteraan penjaga. Maka teori ini mengandaikan kesediaan penjaga akan menyumbang kepada tahap kesediaan yang lebih tinggi dalam kalangan penjaga. Kajian lepas secara konsisten membuktikan kecekapan diri yang tinggi dikaitkan tahap kesediaan menjadi penjaga yang tinggi (Silver et al, 2004).

Kerangka kajian ini juga menunjukkan hubungan pengantaraan pemboleh ubah mediator, iaitu kompetensi anak ke atas kualiti hubungan dan kesediaan menjadi penjaga ibu bapa. Sungguhpun Teori Peranan (Schumacher, 1995) tidak menerangkan hubungan pengantaraan dalam teori ini, terdapat kajian lepas yang mendapati faktor kecekapan diri mempunyai kesan pengantaraan dan dibuktikan sebagai pemboleh ubah mediator dalam kajian mengenai kemurungan yang dialami penjaga (Wang, Yip & Chang, 2015). Maka, kajian ini mengandaikan kompetensi anak akan memberikan kesan pengantaraan ke atas kualiti hubungan dan kesediaan menjadi penjaga dalam kalangan anak dewasa.

Secara kesimpulannya, kerangka ini mencadangkan perkaitan di antara kualiti hubungan, kompetensi anak dan kesediaan menjadi penjaga. Kajian ini mengandaikan semakin tinggi kualiti hubungan di antara anak dewasa dengan ibu bapa dan kompetensi anak, maka anak dewasa akan lebih bersedia menjalankan peranan mereka sebagai penjaga. Selain itu, kajian ini juga mengandaikan terdapat hubungan pengantaraan pemboleh ubah kompetensi anak ke atas kualiti hubungan dan kesediaan menjadi penjaga.

1.8 Kerangka Konseptual

Kerangka konseptual berikut menjelaskan perkaitan di antara pemboleh ubah yang digunakan dalam kajian ini. Kajian ini dijalankan untuk menentukan perkaitan di antara kualiti hubungan dan kompetensi anak dengan kesediaan menjadi penjaga ibu bapa dalam kalangan anak dewasa di Selangor. Rajah 1.2 berikut menjelaskan hubungan di antara pemboleh ubah anteseden iaitu latar belakang penjaga, latar belakang orang yang dijaga dan ciri penjagaan; pemboleh ubah bebas iaitu kualiti hubungan; pemboleh ubah mediator iaitu kompetensi anak dan pemboleh ubah bersandar iaitu kesediaan menjadi penjaga.



Rajah 1.2: Kerangka Konseptual Kajian

1.9 Definisi Istilah

1.9.1 Kesediaan Menjadi Penjaga

Definisi kesediaan menjadi penjaga adalah sejauh mana kepercayaan individu tersebut bersedia dalam menghadapi tugas dan tekanan semasa menjalankan peranan sebagai penjaga (Archbold, Stewart, Grenlick & Harvath, 1992). Empat aspek utama yang digariskan untuk mengukur kesediaan iaitu keperluan fizikal dan emosi orang yang dijaga, sumber yang diperlukan ketika penjagaan diberikan seperti kewangan, maklumat berkaitan penyakit serta kemahiran menghadapi tekanan dalam menjalankan peranan sebagai penjaga.

Manakala secara operasi, kesediaan menjadi penjaga merujuk kepada jumlah skor kesediaan yang telah diukur dengan menggunakan skala *Preparedness for Caregiving Scale* (Archbold & Steward, 1988). Jumlah skor kesemua item kemudian dibahagikan dengan 8 untuk mendapatkan purata keseluruhan skor skala ini, iaitu antara 0.00 hingga 4.00. Semakin tinggi jumlah skor skala ini menunjukkan semakin tinggi kesediaan untuk memberikan penjagaan dalam kalangan responden.

1.9.2 Kualiti Hubungan

Hubungan ibu bapa-anak merupakan hubungan yang wujud berasaskan kepada ikatan biologi yang membentuk hubungan kandung. Hubungan ini dipengaruhi oleh keadaan perkembangan yang berlaku di sekeliling dan juga mempengaruhi perkembangan individu yang terlibat dalam ikatan tersebut (Trommsdorf, 2006). Dalam kajian ini definisi secara konseptual kualiti hubungan ibu bapa-anak adalah melibatkan tahap keprihatinan, kasih sayang, keintiman, mengambil berat dan kepuasan hubungan secara keseluruhan yang dialami oleh individu yang terlibat (Steadman et al. 2007).

Manakala definisi operasi adalah jumlah skor yang diukur menggunakan *The Mutuality Scale* (Archbold & Steward, 1988). Jumlah skor kesemua item kemudian dibahagikan dengan 15 untuk mendapatkan purata keseluruhan skor skala ini, iaitu antara 1.00 hingga 4.00. Semakin tinggi jumlah skor skala ini menunjukkan semakin tinggi skor dalam kalangan responden. Responden yang mempunyai nilai skor 2.50 dan ke bawah akan dikategorikan sebagai mempunyai tahap kualiti hubungan yang rendah, manakala selebihnya menunjukkan tahap kualiti hubungan yang tinggi (Archbold et al, 1992).

1.9.3 Kompetensi Anak

Kompetensi didefinisikan sebagai kecekapan individu dalam aktiviti sesuatu perkara atau aktiviti (Kamus Dewan Edisi ke-4). Manakala kompetensi anak adalah persepsi anak dewasa mengenai kecekapannya dalam menjalankan peranan sebagai penjaga (Pearlin et al, 1990). Dimensi yang diukur dalam kompetensi anak sebagai penjaga adalah penilaian terhadap orang yang dijaga, perubahan yang berlaku ketika proses penjagaan, penilaian masalah yang bakal dan sedang dihadapi serta tindakan untuk menyelesaikan dan mengatasi masalah.

Manakala definisi secara operasi bagi kompetensi anak adalah jumlah skor yang diukur menggunakan skala *Caregiver Competence Scale* (Pearlin et al, 1990). Jumlah skor kesemua item kemudian dibahagikan dengan 4 untuk mendapatkan purata keseluruhan skor skala ini, iaitu di antara 1.00 hingga 4.00. Semakin tinggi jumlah skor skala ini menunjukkan semakin tinggi kompetensi dalam kalangan responden.

1.10 Susunan Penulisan

Kajian ini ditulis dalam lima bab. Bab pertama merangkumi pengenalan, pernyataan masalah, kepentingan kajian, objektif kajian, hipotesis kajian, definisi istilah, kerangka teoretikal kajian, kerangka konseptual kajian, skop dan limitasi kajian serta organisasi penulisan. Bab kedua pula meliputi tinjauan-tinjauan kajian lepas. Manakala bab ketiga menjelaskan tentang reka bentuk kajian, populasi dan sampel kajian, lokasi kajian, kaedah persampelan yang digunakan, pengumpulan data, instrumen dan pengukuran pemboleh ubah, pra ujian soal selidik dan pengurusan dan analisis data. Bab keempat membentangkan hasil kajian yang dibahagikan kepada analisis diskriptif pemboleh ubah dan analisis inferensi iaitu korelasi Pearson, analisis regresi hierarkikal. Akhir sekali ialah bab kelima yang membincangkan ringkasan, kesimpulan, implikasi dan cadangan kajian. Penemuan kajian diringkaskan berdasarkan objektif dan hipotesis kajian. Dapatan-dapatan kajian disimpulkan dan implikasi kajian diperjelaskan. Akhir sekali cadangan kajian dan cadangan penyelidikan akan dikemukakan.

BIBLIOGRAFI

- Andershed, B. (2006). Relatives in end-of-life care part 1: A systematic review of the literature the five last years, January 1999-February 2004. *J Clin Nurs*, 15, 1158–1169.
- Andersson, A., Levin, L.A., & Emtinger, B.G. (2002). The economic burden of informal care. *International Journal of Technology Assessment in Health Care* 18 (1), 46–54.
- Aquilino, W.S., & Supple, K.R. (1991). Parent-child relations and parent's satisfaction with living arrangements when adult children live at home. *Journal of Marriage and the Family*, 53,13 – 28.
- Arber, S. & Ginn, J. (1995). Gender differences in the relationship between paid employment and informal care. *Work, Employment and Society*, 9 (3), 445–471.
- Archbold, P.G., & Stewart, B.J., (1988). *The effects of organized caregiver relief*. Final Report to NCNR. (R01 NU/AG 01140) Oregon Health Sciences University, Portland, OR.
- Archbold, P. G., Stewart, B. J., Greenlick, M., & Harvath, T. (1990). Mutuality and preparedness as predictors of caregiver role strain. *Research in Nursing & Health*, 12 (12), 375-384.
- Archbold, P.G., Stewart, B.J., Greenlick, M.R., & Harvath, T. A. (1992). The clinical assessment of mutuality and preparedness in family caregivers to frail older people, 23 (5), 45-56.
- Ashford, J.B. & LeCroy, C.W. (2010). *Human behavior in the social environment: A multidimensional perspective*. Belmont: Brooks/Cole.
- Asnarulkhadi, A.S., Noor, A.M., Redzuan, M., Ahmad, N., Baba, M. dan Bagat, M.F. (2006). *Sokongan Sosial Warga Tua: Satu kajian rol famili*. Monograf Institut Gerontologi, Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Bandura, A: (1997). *Social Learning Theory*. Englewood Cliffs, NJ, Prentice Hall.
- Baron, R. M., & Kenny, D. A. (1986). The moderator-mediator variable distinction in social psychological research: Conceptual, strategic, and statistical considerations. *Journal of Personality and Social Psychology*, 51, 1173-1182.
- Bengstone, V.I. & Schrader, S.S (1982). *Parent-Child Relations*. In *Research Instruments in Social Gerontology*, D. Mangen dan W.A. Peterson (Eds.), Volume 2, pp. 115-186. Minneapolis: University of Minnesota Press.

- Benzein, E., Norbeg, A., & Saveman, B.I. (2001). The meaning of the lived experience of hope in patients with cancer in palliative home care. *Palliat Med*, 15, 117-126.
- Biddle, B.J. (1986). Recent developments in role theory. *Ann. Rev. Social.* 12:67-92
- Bowlby, J. (1969/1982). *Attachment and loss: Vol. 1. Attachment*. New York: Basic Books.
- Bowlby, J. (1973). *Attachment and loss: Separation, anxiety and anger*. New York: Basic Books.
- Bowlby, J. (1977). The making and breaking of affectionate bonds. *British Journal of Psychiatry*, 130, 201-210.
- Bowlby, J. (1982). *Attachment and loss: Attachment*. New York: Basic Books.
- Bowlby, J. (1988). *A secure base*. New York: Basic Books.
- Buhl, H. M. (2009). My mother: My best friend? Adults' relationships with significant others across the lifespan. *Journal of Adult Development*, 16, 239–249. DOI: 10.1007/s10804-009-9070-2
- Bullock K., Crawford S.L., & Tennstedt S.L. (2003) Employment and caregiving: exploration of African American caregivers. *Social Work* 48 (2), 150–162.
- Bumpass, L.L. (1990) What's happening to the family? Interactions between demographic and institutional change. *Demography*, 27, 483–498.
- Burr, W., Leigh, G., Day, R., & Constantine, J. (1979). Symbolic interaction and the family. In W. R. Burr, R. Hill, F. Nye, & I. Reiss (Eds.), *Contemporary theories about the family* (Vol. 2, pp. 42-111). New York: Free Press.
- Caron, C. D., & Bowers, B., J. (2003). Deciding whether to continue, share, or relinquish caregiving: caregiving views. *Qual Health Res*, 13, 1252.
- Chappell, N. L. (1991). Living arrangements and sources of caregiving. *Journal of Gerontology*, 46, S1-S8.
- Charles, S. T., & Mavandadi, S. (2004). Social support and physical health across the life span: Socioemotional influences. In F. Lang & K. L. Fingerman (Eds.), *Growing together: Personal relationships across the life span* (pp. 240–267). New York: Cambridge University Press.
- Chen, P.C.Y. (2002). The elderly Malaysian. *Malaysian Medical Association*. http://www.mma.org.my/info/4_elderly_84.htm.
- Chen, C.K., Waters, H.S., Hartman, M., Zimmerman, S., Miklowitz, D.J., & Waters, E. (2013). The secure base script and the task of caring for elderly parents:

implications for attachment theory and clinical practice. *Attachment & Human Development*, 15 (3), 332-348, DOI: 10.1080/14616734.2013.782658

- Chow, N. W. S. (2001). The practice of filial piety among the Chinese in Hong Kong. In I. Chi, N. L. Chappel, & J. Lubben (Eds.), *Elderly Chinese in Pacific Rim countries: Social support and integration* (pp. 126–136). Hong Kong: Hong Kong University Press.
- Chua, Y.P. (2006b). *Asas statistik penyelidikan*. Shah Alam: McGraw-Hill Education.
- Chua, Y.P. (2009a). *Buku 4: Ujian univariat dan multivariat*. Shah Alam: McGraw-Hill Education.
- Chua, Y.P. (2009b). *Buku 5: Ujian regresi, analisis faktor dan analisis SEM*. Shah Alam: McGraw-Hill Education.
- Chih, M.Y., DuBenske, L.L., Hawkins, R.P., Brown, R.L., Dinauer, S.K., Cleary, J.F., & Gustafson, D.H. (2013). A pool analysis of two randomized trials examining caregiver preparedness, physical burden and negative mood. *Palliative Medicine*, 27, 533. Doi: 10.7177/0269216312457213.
- Cicirelli, V.G. (1993). Attachment and obligation as daughters' motives for caregiving behavior and subsequent effect on subjective burden. *Psychology and Aging*, 8, 144–155.
- Cicirelli, V.G. (1996). Emotion and cognition in attachment. In C. Magai & S.H. McFadden (Eds), *Handbook of emotion, adult development and aging* (pp. 119-132). San Diego, CA: Academia Press.
- Clukey, L. (2008). Anticipatory mourning: Processes of expected loss in palliative care. *International Journal of Palliative Nursing*, 14(7), 316–325.
- Coan, J.A., Schaefer, H.S., & Davidson, R.J. (2006). Lending a hand: Social regulation of the neural response to threat. *Psychological Science*, 17, 1032–1039.
- Coan, J.A., Kastle, S., Jackson, A., Schaefer, H.S., & Davidson, R.J. (2013). Mutuality and the social regulation of neural threat responding, *Attachment & Human Development*, 15, (3), 303–315, <http://dx.doi.org/10.1080/14616734.2013.782656>
- Cohen J. (1992). Statistical power analyses. *Current Directions in Psychological Science*, 1 3, 98-101.
- Cohen J. (1988). *Statistical power analyses for the behavioral sciences*. 2nd ed. Hillsdale, NJ: Lawrence Earlbaum Associates.
- Collins, N.L., & Feeney, B.C. (2013). Attachment and caregiving in adult close relationships: normative process and individual differences. *Attachment & Human Development*, 15 (3), 241-245. <http://dx.doi.org/10.1080/14616734.2013.782652>

- Cooney, T.M., & Uhlenberg, P. (1992). Support from parents over the life course: The adult child's perspective. *Social Forces*, 71, 63–84.
- Crawford, L. M., Bond, J. B., & Balshaw, R. F. (1994). Factors affecting sons' and daughters' caregiving to older parents. *Canadian Journal on Aging*, 13, 454–469.
- Creswell, J.W. (2009). *Research design: Quantitative, qualitative and mixed methods approaches*. California: SAGE Publication.
- Daniel, W.W. (1999). *Biostatistics: A Foundation for Analysis in the Health Sciences*. 7th edition. New York: John Wiley & Sons.
- DaVanzo, J. & Chan, A. (1994). Living arrangement of older Malaysians who coresides with their adult children? *Demography*. 3 (1) 95 – 114.
- de Vugt, M.E., Stevens, F., Aalten, P., Lousberg, R., Jaspers, N., Winkens, I., et al. (2003). Behavioural disturbances in dementia patients and quality of the marital relationship. *International Journal of Geriatric Psychiatry*, 18, 149–154.
- Duvall, E.M., & Miller, B.C. (1985). *Marriage and family development*. New York: Harper & Row. Chicago.
- Eagar, K., Owen, A., Williams, K., Westera, A., Marosszeky, N., England, R., & Morris, D. (2007). *Effective Caring: a synthesis of the international evidence on carer needs and interventions*. Centre for Health Service Development, University of Wollongong
- Eggebeen, D. J. (1992). Family structure and intergenerational exchanges. *Research on Aging*, 14, 427–447.
- England, M. (2001). Expressed information and resource needs of filial caregivers reporting recent experiences of crisis, *Educational Gerontology*, 27:2, 139-157
- Epstein-Lubow, G., Gaudiano, B, Darling, E., Hinckley, M., Tremont, G.,Kohn, R., Marino, L.J., Salloway, S., Grinnell, R., & Miller, I.W. (2012). Differences in depression severity in family caregivers of hospitalized individuals with dementia and family caregivers of outpatients with dementia. *The American Journal of Geriatric Psychiatry*, Volume 20, Issue 9, September 2012, Pages 815–819
- Eriksen, S. & Gerstel, N. (2002). A Labor of Love or Labor Itself: Care Work among Adult Brothers and Sisters. *Journal of Family Issues*, 23 (7):836-856.
- Eriksson, K. (2008). *Designing preparedness emergency preparedness in a community context*. Licentiate, Lund: Lund University. Available at <http://www.friva.lucram.lu.se/upload/LUCRAM/Publications/Kerikssonic.pdf>.

- Eshkooor, S.A., Hamid, T.A., Nudin, S.S. & Mun, C.Y. (2014a). Association between dentures and the rate of falls in dementia. *Medical Devices (Auckland, NZ)*, 7: 225-30. Doi: 10.2147/MDER.S63220
- Etters, L., Goodall, D., Harrison, B.E., 2008. Caregiver burden among dementia patient caregivers: a review of the literature. *Journal of the American Academy of Nurse Practitioners* 20 (8) 423–428.
- Fast J.E., Williamson, D.L. & Keating, N.C. (1999) The hidden cost of informal elder care. *Journal of Family and Economic Issues* 203, 301–326.
- Fatimah A., Nur Saadah M.A., Nor Jana S. & Mohd S. (2008) Keluarga dan Penjagaan dalam Komuniti: Permasalahan dan Cabaran bagi Penjaga Pesakit Mental [Family and care giving role in community: Problems and challenges]. UKM-SK-05-FRGS0012-2006. 2006–2008.
- Fatimah, A., Mohd Suhaimi, M. & Siti Hajar, A.B. (2011). *Cabaran penjagaan tidak formal di Malaysia: Satu tinjauan*. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Antarabangsa bersama UKM-UNHAS ke V (SERUMPUN V) di Universitas Hasanuddin Makassar, Sulawesi Selatan, Makasar, Indonesia pada 8-9 Jun 2011.
- Fatimah, A., Nur Saodah, M.A., Mohd Suhaimi, M. & Nor Jana, S. (2013). Fungsi keluarga dalam penjagaan pesakit mental : kajian kes di klinik kesihatan Kg. Simee ipoh, Perak. *Journal of Psychology & Human Development* 1: 57 - 72
- Fatimang, L., Rahmah, M.A., Fatimah, A. (2009). Penjaga wanita bagi warga tua pesakit strok di Bandar. *Malaysian Journal of Social Administration*, 6, 57-72.
- Fingerman, K. L., Chen, P. C., Hay, E. L., Cichy, K. E., & Lefkowitz, E. S. (2006). Ambivalent reactions in the parent and offspring relationship. *Journals of Gerontology: Psychological Sciences*, 61B, 152 – 160.
- Fingerman, K., Miller, L., Birditt, K., & Zarit, S. (2009). Giving to the good and the needy: Parental support of grown children. *Journal of Marriage and Family*, 71, 1220–1233. DOI: 10.1111/j.1741-3737.2009.00665.x
- Foley, K.M., Back, A., Bruera, E. et al. (2005). *When the focus is on care: Palliative care and cancer*, Atlanta: American Cncer Society.
- Fowler, C. & Afifi, W.A. (2011). Applying the theory of motivated information management to adult children's discussions of caregiving with aging parents. *Journal of social and personal relationships*. 28 (4), 507-535
- Friesen, M.D., Woodward, L.J., Horwood, L.J & Fergusson, D.M. (2012). Quality of parent-child relations in adolescence and later adult parenting outcomes. *Social Development*, doi: 10.1111/j.1467-9507.2012.00657.x

- Fujinami, R., Sun, V., Zachariah, F., Uman, B., Grant, M. & Ferrell, B. (2014). Family caregivers' distress levels related to quality of life, burden and preparedness. *Psycho-Oncology*. Doi: 10.1002/pon.3562
- Funk, L., Stajduhar, K., Toye, C, et al. (2010). Part 2: home-based family caregiving at the end of life: a comprehensive review of published qualitative research (1998–2008). *Palliat Med*, 24, 594–607.
- Gearity, A. (2005). *Attachment theory and real life: How to make ideas work*. <http://education.umn.edu/ceed/publication> (Update; Original version published 1996).
- Gholamzadeh, S., Hamid, T.A., Basri, H., Ibrahim,R. & Sharid, F. (2014). Mediators of the effect of the psycho-educational intervention on the psychological well-being of caregiving daughters and daughter in-laws of stroke survivors. *Journal of Nursing Education and Practices*, 3,10, 75-83.
- Gibson, M.J., Gregory S.R. & Pandya S.M. (2003) *Long-Term Care in Developed Nations*. AARP, Washington, DC.
- Given, B.,Kozachik, S., Collins, C., Devoss, D.,&Given, C.W. (2001). Caregiver role strain. In M. Maas, K. Buckwalter, M. Hardy, T. Tripp-Reimer, & M. Titler (Eds.), *Nursing care of older adults diagnosis: Outcome and interventions* (pp. 679-695). St. Louis, MO: Mosby.
- Goode, W.J. (1960) A theory of role strain. *American Sociology Review*, 25, 483–496.
- Goodhead, A., & McDonald, J. (2007). Informal caregivers literature review: a report prepared for the National Health Committee.Victoria University of Wellington, 2007. [Cited 18 July 2009.] Available from URL: <http://nhc.health.govt.nz/publications/nhc-publications-pre-2011/informal-caregivers-literature-review-report-prepared>
- Gouldner, A.W. 1960. The norm of reciprocity: a preliminary statement. *American Sociological Review*, 25, 161-78
- Gonzalez, E.W., Polansky, M., Lippa, C.F., Gitlin, L.N., & Zauszniewski, J.A (2014). Enhancing resourcefulness to improve outcomes in family caregivers and persons with alzheimer's disease: A pilot randomized trial. *International Journal of Alzheimer's Disease*, 2014,1-10.
- Guberman, N., Lavoie, J., Blein, L. & Olazabal, I. (2012) Baby Boom caregivers: care in the age of individualization. *Gerontologist* 52 (2), 210–218.
- Grant, M., Sun, V., Fujinami, R., Sidhu, R., Otis-Green, S., Juarez, G et al (2013). Family Caregiver Burden, Skills Preparedness, and Quality of Life in Non-Small-Cell Lung Cancer. *Oncol Nurs Forum*, 40(4): 337–346. doi:10.1188/13.ONF.337-346.

- Gravetter, F.J., & Wallnau, L.B. (2008) *Statistics for the behavioral sciences, 8th edn.* Wadsworth, Belmont
- Grossmann, K. (2004). Theoretical and historical perspectives of attachment research. In L. Ahnert (Ed.) *Fruhe Bindung. Entstehung und Entwicklung* (pp. 21-44) Munchen: Ernst Reinhardt.
- Grundy, E., & Harrop, A. (1992). Co-residence between adult children and their elderly parents in England and Wales. *Journal of Social Policy, 21(03)*, 325-348. doi: 10.1017/S0047279400019978.
- Grunfeld, E., Coyle, D., Whelan, T., et al. (2004). Family caregiver burden: results of a longitudinal study of breast cancer patients and their principal caregivers. *CMAJ, 170*:1795-801.
- Hairi, N., Bulgiba, A., Cumming, R., Naganathan, V. & Mudla, I. (2010). Prevalence and correlates of physical disability and functional limitation among community dwelling older people in rural Malaysia, a middle income country. *BMC Public Health, 10* (1): 492.
- Haley, W.E., Levine, E.G., Brown, S.L., & Bartolucci, A.A. (1987). Stress, appraisal, coping, and social support as predictors of adaptational outcome among dementia caregivers. *Psychology and Aging, 4*, 323-330.
- Halm, M.A., Treat-Jacobson, D., Lindquist, R., & Savik, K. (2006). Correlates of caregiver burden after coronary artery bypass surgery. *Nursing Research 55*(6): 426–36.
- Halm, M.A., & Bakas, T. (2007). Factors associated with caregiver depressive symptoms, outcomes, and perceived physical health after coronary artery bypass surgery. *The Journal of Cardiovascular Nursing 22*: 508–15.
- Hansen, L., Cartwright, J. C., & Craig, C. E. (2012). End-of-life care for rural dwelling older adults and their primary family caregivers. *Research in Gerontological Nursing, 5*(1), 6-15. doi: 10.3928/19404921-20111213-01
- Hayashi, M. (2014). The relationship between the state of preparedness, social support, coping strategies, and family circumstances of family caregivers of stroke patients before transition to home in Japan. *Poster presented at the International Stroke Conference Poster Abstract.*
- Hinkle, D.E., Wiersma, W., & Jurs, S.G. (2003). *Applied Statistics for Behavioural Sciences 5th edition.* Boston, MA: Houghton Mifflin Co.
- Hirschfeld, M. (1983). Homecare versus institutionalization: Family caregiving and senile brain disease. *International Journal of Nursing Studies 20*(1): 23–32.
- Henriksson, A., Andershed, B., Benzein, E., Arestedt, K. (2012). Adaptation and psycho-metric evaluation of the Preparedness of Caregiving Scale, Caregiver Competence Scale and Reward of Caregiving Scale in a sample of Swedish

family members of patients with life-threatening illness. *Palliat Med*, 26, 930-938.

- Henriksson, A. & Arestedt, K. (2013). Exploring factors and caregiver outcomes associated with feelings of preparedness for caregiving in family caregivers in palliative care: A correlational, cross-sectional study. *Palliative Medicine*, 0, 1-8. Doi: 10.1177/0269216313486954.
- Herman, M. & Mastel-Smith, B. (2012). A qualitative concept analysis. *The Qualitative Report*, 17, 75, 1-18. <http://www.nova.edu/ssss/QR/QR17/hermanns.pdf>
- Ho, R. (2006). Handbook of univariate and multivariate data analysis and interpretation with SPSS. New York: Chapman & Hall/CRC.
- Holm, M., Henriksson, A., Carlender, I., Wengstrom, Y. & Ohlen, J. (2014). Preparing for family caregiving in specialized palliative home care: An ongoing process. *Palliative and Support Care*, 1-9. Doi: 10.1017/S1478951514000558.
- Homans, G. (1961). *Social Behavior: Its Elementary Forms*. New York: Harcourt Brace Jovanovich.
- Hooker, K., Monahan, D., Shifren, K., & Hutchinson, C. (1992). Mental and physical health of spouse caregivers: The role of personality. *Psychology and Aging*, 7, 367-375.
- Horowitz, A. (1985). Sons and Daughters as Caregivers to Older Parents: Differences in Role Performance and Consequences. *The Gerontologist*, Vol.25, No. 6.
- Hoyer, W. & Roodin, P.A. (2003). *Adult development and aging*. 5th edition. Boston, Massachusetts: McGraw-Hill College.
- Hudson, P. (2003). A conceptual model and key variables for guiding supportive interventions for family caregivers of people receiving palliative care. *Palliat Support Care*, 1, 353-365.
- Hudson, P., & Hayman-White, K. (2005). A psycho-educational intervention for family caregivers of patients receiving palliative care: A randomized controlled trial. *Journal of Pain and Symptom Management*, 30, 329-341.
- Hudson, P., & Hayman-White, K. (2006). Measuring the psychosocial characteristics of family caregivers of palliative care patients: Psychometric properties of nine self-report instruments. *J Pain Symptom Manage*, 31, 3, 215-228.
- Hudson, P. & Payne, S. (2009). Family carers in palliative care. Oxford: Oxford University Press.
